



SIARAN MEDIA

KEMANGKATAN YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN NAJIHAH BINTI ALMARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN BEKAS TUNKU AMPUAN NEGERI SEMBILAN

1. Dengan sangat kedukacitaan, dilafazkan bahawa Yang Maha Mulia Bekas Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin yang amat dimuliakan dan dikasihi telah mangkat pada **jam 6.53 pagi, Jumaat** bertarikh pada **8 September 2023** bersamaan dengan **22 Safar 1445H** di Hospital Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur.
2. Almarhumah Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin juga merupakan bekas Raja Permaisuri Agong yang ke-10 (1994-1999).
3. Ketahuilah juga bahawa, jenazah akan disemayamkan di Istana Besar Seri Menanti dan akan dimakamkan di Makam Diraja Seri Menanti pada hari ini, **8 September 2023** bersamaan dengan **22 Safar 1445H** selepas waktu Asar.

4. Oleh itu, ketahuilah bahawa tempoh perkabungan bagi kemangkatan Almarhumah Yang Maha Mulia Bekas Tunku Ampuan Negeri Sembilan adalah selama **satu (1) hari** iaitu pada hari ini, **Jumaat** bersamaan dengan **8 September 2023**.

- i. Selepas sahaja pengumuman ini, semua bendera hendaklah dikibarkan separuh tiang di seluruh Negeri Sembilan pada hari ini sepanjang tempoh perkabungan yang ditetapkan.
- ii. Semua masjid dan surau di Negeri Sembilan digalakkan mengadakan majlis tahlil dan doa untuk Almarhumah Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin dalam tempoh hari perkabungan.

5. Semoga dicucuri rahmat yang berlebih-lebihan ke atas roh Almarhumah Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin.

-tamat-

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
8 SEPTEMBER 2023